

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW** minta **MENTERI KESIHATAN** adakah dos vaksin COVID-19 ketiga akan dilancarkan secepat mungkin, supaya keberkesanan vaksin terhadap varian Delta dan Lambda boleh ditingkatkan. Nyatakan rancangan Kementerian dalam usaha program imunisasi nasional ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19.

2. Keutamaan akan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti anggota barisan hadapan kesihatan, pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*), warga tua dengan komorbiditi dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*).

3. Seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kesihatan pada 19 September 2021, pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 dijangka akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2021 kerana imunisasi populasi dewasa sudah mencapai lebih daripada 80%. Bagi tujuan tersebut, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang membangunkan garis panduan pelaksanaan pemberian dos ketiga dan pada yang sama permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sedang dilaksanakan.

4. **Dos ketiga bermaksud** dos yang diberikan akibat **dari kegagalan sistem tubuh untuk membina perlindungan yang secukupnya selepas menerima vaksin lengkap. Ini boleh berlaku ke atas pesakit yang mempunyai daya tahan tubuh yang lemah (*immunocompromised*), berisiko tinggi** seperti menghadapi penyakit kronik dan lain- lain. **Manakala dos penggalak (*booster*) bermaksud** dos lain yang perlu diberikan kepada seseorang yang sebelumnya mendapat perlindungan yang mencukupi selepas vaksinasi lengkap namun perlindungan **tersebut menurun dari masa ke semasa (*waning immunity*).**

Sekian, terima kasih.